

BERITA HARIAN

ILMU DAN MAKLUMAT

TARIKH	30 / 04 / 2014	SEKSYEN	DUNIA
MUKA SURAT	36	RUANGAN	

34,000 sekolah Arab Saudi tubuh bilik pengasingan

Jeddah: Kementerian Kesihatan Arab Saudi mengarahkan 34,000 sekolah di negara itu mewujudkan bilik pengasingan di sekolah masing-masing bagi menangani kes Sindrom Pernafasan Asia Barat-Virus Korona (MERS-CoV).

Langkah pencegahan itu akan dilaksanakan dengan kerjasama Kementerian Kesihatan.

Keputusan dicapai pada mesyuarat

Keputusan itu dicapai ketika mesyuarat yang turut dihadiri Menteri Pendidikan Putera Khaled Al-Faisal, dua timbalannya dan ketua pengarah jabatan kesihatan sekolah.

"Mereka yang disyaki menghidap penyakit itu akan diasingkan dalam bilik berkenaan sehingga semua pelajar pulang, atau akan terus dihantar ke hospital," kata seorang pegawai.

Dilengkapi peralatan pencegahan

Bilik pengasingan itu dilengkapi dengan peralatan pencegahan seperti topeng mulut dan hidung, sarung tangan dan alat jangka suhu.

Sumber berkata kementerian juga akan mewujudkan pusat bilik operasi untuk menjawab sebarang pertanyaan ibu bapa, pelajar dan kakitangan sekolah.

Batal perhimpunan pagi

Guru besar beberapa buah sekolah dilaporkan mendesak pembatalan perhimpunan pagi dalam usaha mengurangkan pelajar bersesak-sesak berikut bimbang virus itu mungkin merebak meskipun kementerian pendidikan menyatakan sekolah masih bebas daripada jangkitan virus berkenaan.

Putera Khaled Al-Faisal berkata adalah penting mengambil langkah pencegahan di sekolah melalui pelaksanaan pelan tindakan dengan kerjasama Kementerian Kesihatan.

Sehingga kini seramai 339 orang termasuk rakyat asing dikesan dijangkiti MERS-CoV, yang telah mengorbankan 102 nyawa di negara itu.

FAKTA NOMBOR

102

terkorban
akibat MERS-CoV
di Arab Saudi

“
*Mereka
yang disyaki
menghidap
penyakit itu*

*akan
diasingkan
di dalam bilik
berkenaan
sehingga
semua pelajar
pulang, atau
akan terus
dihantar ke
hospital”*

Pegawai
Kementerian
Kesihatan
Arab Saudi

AGENSI